

# PEJABAT PENDAFTAR PERTUBUHAN PELADANG

d/a LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG

BLOK C UTARA, PUSAT BANDAR DAMANSARA, KARUNG BERKUNCI 11005, 50990 KUALA LUMPUR

TEL : 03-20945222 FAX : 03-20954239

Ruj. Tuan :  
Ruj. Kami : LPP(G)5/6 Jld.2 ( 24 )  
Tarikh :

## ARAHAN PENDAFTAR PERTUBUHAN PELADANG BIL. 5 TAHUN 2008

### PENGGUNAAN RIZAB BERKANUN UNTUK TUJUAN MENGHAPUSKIRA AKAUN YURAN TAHUNAN AKAN TERIMA PERTUBUHAN PELADANG

#### 1. Tujuan

Arahan ini dikeluarkan bagi menetapkan tatacara mengakaunkan Yuran Tahunan Akan Terima yang dihapuskira dengan menggunakan Rizab Berkanun Pertubuhan Peladang.

#### 2. Latar Belakang

- 2.1 Arahan Pendaftar Bil. 5 Tahun 1993, menghendaki semua PP menggunakan Asas Terakru dalam penyediaan akaunnya. Sehubungan dengan itu, PP dikehendaki mengakaunkan yuran tahunan yang tidak dijelaskan oleh ahli sebagai Yuran Tahunan Akan Terima. Walaupun Yuran Tahunan Akan Terima ini seharusnya dikutip oleh PP, masih terdapat baki ke atas akaun ini ditunjukkan dalam Penyata Kewangan PP.
- 2.2 Melalui Arahan Pendaftar Bil. 2 Tahun 2008, Arahan Pendaftar Bil. 3 Tahun 2008 dan Arahan Pendaftar Bil. 4 Tahun 2008, masing-masing bagi PPK, PPN dan NAFAS telah diarahkan meminda perlembagaan, di antaranya adalah memansuhkan bayaran Yuran Tahunan oleh ahli-ahli

PP berkenaan. Bagi menyelaraskan pemansuhan bayaran yuran tahunan ini, adalah perlu Yuran Tahunan Akan Terima turut dihapuskirakan.

### **3. Punca Dan Had Kuasa**

Arahan ini dibuat di bawah Peraturan-peraturan Pertubuhan Peladang 1983 seperti berikut :

56(3) Sesuatu Pertubuhan Peladang boleh, dengan kelulusan Pendaftar dan tertakluk kepada apa-apa syarat yang boleh dikenakan, menggunakan kumpulanwang rizab atau sebahagian daripadanya untuk menampung kerugian-kerugian yang ditanggung oleh Pertubuhan Peladang itu.

85 Pendaftar boleh jika difikirkan perlu mengeluarkan arahan-arahan atau menetapkan borang-borang pada melaksanakan peruntukan-peruntukan Akta dan Peraturan-peraturan ini.

### **4. Hapuskira Akaun Yuran Tahunan Akan Terima**

4.1 Dengan ini diputuskan Yuran Tahunan Akan Terima yang masih berbaki di PPK, PPN dan NAFAS dihapuskira dengan menggunakan Kumpulanwang Rizab Berkanun PP masing-masing.

4.2 PP yang terlibat dikehendaki mengambil tindakan menyelaraskan secara menghapuskira Yuran Tahunan Akan Terima dengan menggunakan Kumpulanwang Rizab Berkanun PP dalam Penyata Kewangan PP Tahun 2008 sahaja.

4.3 Tatacara perakaunannya adalah seperti berikut:

Dt. Akaun Rizab Berkanun

Kt. Akaun Yuran Tahunan Akan Terima / Tertunggak

(Menyelaras Yuran Tahunan Akan Terima)

5. Tarikh Kuatkuasa

Arahan ini berkuatkuasa mulai **Satu** Haribulan **November** tahun **Dua Ribu Lapan**.



(DATO' HAJI ABD. RAHIM BIN HAJI AHMAD)  
Pendaftar  
Pertubuhan Peladang